

'Bincang usul peringkat kepemimpinan parti dulu'

BH - 21/2/2020 M/8:2

Kuala Lumpur: Sebarang usul termasuk berkaitan peralihan kuasa Perdana Menteri lazimnya dibincangkan pada peringkat kepimpinan parti sebelum dibawa ke mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH).

Pengerusi Majlis Penasihat PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kebiasaannya pemimpin majlis tertinggi parti komponen PH akan menemui kepimpinan parti masing-masing bagi membincangkan sesuatu perkara sebelum dirujuk kepada sekretariat Majlis Presiden PH.

Ditanya sama ada usul peralihan kuasa Perdana Menteri akan menjadi agenda mesyuarat Majlis Presiden PH hari ini, beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun

enggan mengulas panjang.

"Itu kena tanya sekretariat (Majlis Presiden PH)," katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Biodiesel B20 Sektor Pengangkutan di Dataran Merdeka di sini, semalam.

Sebelum ini, Ketua Umum PH, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dilaporkan berkata, isu peralihan kuasa kepimpinan negara akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Majlis Presiden PH, malam ini.

Ia susulan pertemuan antara Presiden PKR dengan Tun Dr Mahathir Mohamad minggu lalu bagi membincangkan isu berkenaan selepas PAS, sekumpulan pemimpin UMNO dan sebilangan kecil pemimpin PKR dikatakan berusaha mendapatkan akuan bersumpah (SD) bagi



Keratan akhbar BH, Rabu lalu.

menyokong kepimpinan perdana menteri sehingga akhir penggal.

Sebelum ini, PAS dilaporkan menyatakan pendirian menyokong kepimpinan

Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sehingga akhir penggal menerusi cadangan usul undi percaya pada sidang Dewan Rakyat, bu-

lan depan.

Sementara itu Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan, Datuk Husam Musa, berkata pengumpulan tandatangan SD bagi menyokong Dr Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri hingga tamat penggal, dianggap tidak baik untuk negara.

Ini katanya, kepercayaan sudah diberikan kepada Dr Mahathir dan seharusnya tidak ada lagi unsur percaya atau tidak kepada kepemimpinannya.

"PH memberi kepercayaan penuh tanpa usul melalui keputusan parti, kami menerima Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sekiranya PH berjaya mentadbir negara dan menubuhkan Barisan Nasional (BN)," katanya selepas menyampaikan bantuan kemarau kepada petani KADA, di Kota Bharu, semalam.